Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA BAKTI
Lokasi : RUMAH MALAYSIA, JALAN AMPANG
Tarikh : 29-08-1983

Yang Berbahagia Tan Sri Jeneral Hamid Bidin, Yang di-Pertua, Persatuan Bekas-bekas Perajurit Malaysia;

Yang Berbahagia Dato Khalid Sahan, Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan;

Yang Berbahagia Dato Hj. Idris, Pengarah Bahagian Sekolah-Sekolah;

Tetamu-tetamu yang dihormati;

Yang Berbahagia Ahli-Ahli BAKTI;

Ahli-Ahli Bersekutu BAKTI;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Syukur alhamdullilah ke hadrat Ilahi kerana kita dapat berkumpul sekali lagi pada hari ini, untuk BAKTI menunaikan kewajipannya kepada orang ramai. Bagi pihak semua Ahli-Ahli BAKTI dan Ahli-Ahli Bersekutu BAKTI dan saya sendiri, saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada para hadirin kerana sudi hadir dalam Majlis Penyampaian Derma BAKTI.

2. Tujuan BAKTI mengadakan Majlis ini, selain daripada menyampaikan derma dan pengakuan derma, ialah supaya kita berkenal-kenalan dengan penerima-penerima, dan juga supaya saya dapat menerangkan sedikit sebanyak mengenai aktiviti kebajikan BAKTI.

3. Tujuan asas BAKTI ditubuhkan pada tahun 1977 ialah untuk berkhidmat dan berbakti kepada orang ramai, khasnya yang benar-benar kurang bernasib baik di seluruh negara kita. Kewangan BAKTI datangnya dari usaha Ahli-ahli BAKTI dalam beberapa projek amal setiap tahun, kecuali tahun ini, dan juga sumbangan ikhlas dari beberapa individu, syarikat-syarikat swasta dan rakan-rakan BAKTI. Sebanyak 80 peratus hasil kutipan bersih projek amal dikhaskan kepada projek tahunan, dan 20 peratus kepada Tabung Kebajikan BAKTI.

4. Pembahagian derma BAKTI dibincangkan oleh jawatankuasa tadbir dan sumbangan-sumbangan yang besar, iaitu lebih daripada $5,000, mesti dibincang dan diluluskan oleh semua ahli-ahli BAKTI. Tiap-tiap rayuan untuk bantuan dari BAKTI disiasat dengan teliti oleh Jawatankuasa Kebajikan dan Jawatankuasa Bantuan Malapetaka BAKTI. BAKTI biasanya meluluskan rayuan-rayuan ini, tetapi BAKTI biasa juga menolak sebahagian rayuan yang tidak menasabah, khasnya rayuan-rayuan yang boleh didapati dari saluran-saluran lain yang ada peruntukkan bagi rayuan-rayuan itu, ataupun rayuan-rayuan yang tidak memberi manfaat kepada ramai anggota masyarakat.

5. Sepanjangan tahun 1983 ini, BAKTI telah menghulurkan beberapa derma kecil, ada yang secara

tindakan segera, ada yang tidak. Pada hari ini, penerima-penerima akan diberi derma BAKTI, ataupun pengakuan BAKTI, hasil dari kutipan Malam Amal 1982. Dengan kegigihan Pengerusi Jawatankuasa Projek Amal 1982, Yang Amat Berbahagia Datin Maria Musa, dan Ahli-ahli Jawatankuasa, BAKTI dapat mengumpulkan 1.2 juta ringgit daripada dermawan yang budiman. Dengan sukacita dan ikhlas hati semua Ahli-Ahli BAKTI membahagikan derma ini untuk kemudahan-kemudahan atau aktiviti-aktiviti atau badan-badan kebajikan seperti berikut: 1)* Menubuhkan Unit Satelit Haemodialisis di 6 buah Hospital Besar, Kementerian Kesihatan. - $410,000/- 2)* Membeli 'Temporary Pacemaker Wires' dan 'Pacemaker Generators' untuk 13 Hospital Besar - $110,000/- 3)* Membeli 'Ultrasound Machine' untuk Hospital di Sibu, Sarawak. - $62,000/- 4) Membina-suai I.C.U.

di Hospital Universiti, Kuala Lumpur. - $150,000/- 5)* Membeli 'Minolta Braille Copier' untuk Kementerian Pelajaran. - $22,000/- 6) Membantu Persatuan Pure Life. - $10,000/- 7) Membantu Rumah Orang Tua Jubilee, Pulau Pinang. - $10,000/- 8) Membantu Majlis Pusat Kebajikan Cawangan Melaka (sudah diberi awal tahun ini). - $10,000/- 9) Menyambut rayuan Tabung Pahlawan (bagi dua tahun). - $20,000/- 10)* Mengkhaskan Geran Pelancaran bagi Yayasan Jantung Nasional. - $500,000/- * Saperti Pengakuan (Pledges)

6. Selain daripada ini, Unit Kardiologi Hospital Besar menerima $21,000/- dan Unit Kardiologi, Hospital Universiti $20,000/-, baki daripada peruntukan Tabung Amanah 1980, untuk kegunaan khas mereka dalam Unit masing-masing.

7. Elok juga saya nyatakan di sini bahawa sepanjang tahun 1982 hingga kini, BAKTI telah membantu juga persatuan-persatuan yang berkhidmat menyelamatkan nyawa, atau 'Life Saving services' seperti Persatuan Haemophilia, Tabung Lyfe-Line Leukemia, individu-individu yang memerlukan 'pacemaker' dengan segera, alat-alat bagi orang cacat dan juga mangsa-mangsa banjir dan kebakaran.

8. BAKTI tidak dapat berkhidmat bakti secara ini dengan tidak ada pertolongan, kerjasama dan bantuan dari orang ramai dan para dermawan, dan kerjasama dari berbagai Jabatan Kerajaan, khasnya Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah, yang menolong siasat rayuan-rayuan yang diterima. Saya bagi pihak BAKTI dan diri sendiri mengucapkan setinggi terima kasih dan sanjungan tinggi kefahaman, keinsafan dan pertolongan tuan-tuan dan puan-puan, atas objektif dan tujuan BAKTI dalam mengadakan projek-projek amal. Saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala sahajalah membalas budi baik semua yang membantu, dan kami berharap bantuan serupa ini akan dapat diluluskan juga pada tahun 1984, manakala BAKTI mengadakan projek amalnya.

9. Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kebajikan dan Jawatankuasa Bantuan Malapetaka, dan semua ahli-ahli BAKTI yang berusaha dengan cergas dalam mendapatkan derma-derma, dan juga yang mengelolakan Majlis Penyampaian Derma hari ini. Kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala sentiasa memberi kita taufik dan hidayahNya supaya kita terus membuat bakti dan kebajikan kepada orang ramai.

Sekian, terima kasih.